

# Abdullah berjenaka pasal kahwin

UM - 27/4/2007

KUALA SELANGOR 26 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini secara berjenaka berkata, beliau dan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Ijok, K. Parthiban mempunyai persamaan iaitu masih belum berkahwin lagi.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Pelancaran Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Estet Selangor di Dewan Seri Harmoni, Ijok di sini.

"Saya dah dengar latar belakang dan kedudukan keluarganya. Katanya, sampai hari ini pun (dia) tak kahwin lagi sebab nak jaga adik-adik supaya mereka hidup dengan baik, betul tak?"

"Betullah, saya pun tak kahwin lagi," kata Perdana Menteri sambil disambut dengan sorakan dan gelak ketawa para tetamu di dalam dewan.

Abdullah kemudian memberitahu, sikap bertanggungjawab dan pengorbanan Parthiban yang sanggup membujang demi menjaga adik-adiknya selepas ayah dan ibunya telah tiada merupakan sikap terpuji dan membuktikan calon BN itu tahu menghargai keluarga.

"Kalau inilah sikap yang ada pada dia, saya percaya dia akan jadi wakil rakyat yang baik bagi kawasan Ijok ini," ujarinya.

Menjelaskan mengenai lawatannya ke Ijok hari ini, Abdullah memberitahu, beliau datang untuk melihat sendiri suasana kempen di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) itu yang hebat diperkatakan dalam akhbar.

"Surat khabar kata Ijok ini hebat benar. Hebat dengan kempen-kempen. Saya datanglah nak tengok dan nak rasa apa keadaan yang sedang wujud pada waktu ini